

## Ulasan Buku

Ahmat Adam, *Batu Bersurat Terengganu: Betulkah Apa Yang Dibaca Selama Ini?* 2017. Petaling Jaya: SIRD. 98 halaman termasuk indeks (berkulit keras).

Ahmad Hidayat Buang  
Universiti Malaya, ahidayat@um.edu.my

Buku ini merupakan satu penilaian semula kepada pembacaan batu bersurat Terengganu yang mengandungi inskripsi tentang pengajaran yang berhubung dengan agama Islam terutama terhadap buku yang disunting oleh Profesor Dr Muhammad Zaini Uthman bertajuk *Batu Bersurat of Terengganu: Its Correct Date, Religio-Cultural and Scientific Dimensions*. Kuala Lumpur: Department of National Heritage (2012). Di dalam buku di atas terdapat satu esei yang meratifikasi “pentarikhan Batu Bersurat Terengganu seperti yang dikemukakan oleh Profesor Tan Sri Syed Naquib al-Attas yang mendakwa bahawa tarikh yang betul inskripsi itu ialah 4 Rejab 702 Hijrah” bersamaan 22 Februari 1303M. (h.viii). Ratifikasi ini adalah kepada penemuan Profesor Tan Sri Syed Naquib telah dibuat melalui bukunya bertajuk *The Correct Date of the Terengganu Inscription* yang diterbitkan oleh Jabatan Muzium pada tahun 1970. Jika diteliti, kajian terhadap penentuan tarikh pada tulisan batu bersurat berkenaan pertama kalinya telah dinyatakan oleh Blagden melalui artikelnya bertajuk “A Note on the Trengganu Inscription” yang diterbitkan di dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, jilid kedua pada tahun 1924, iaitu setahun selepas batu berkenaan dipindahkan daripada Terengganu ke Singapura. Tarikh yang diberikan oleh Blagden di antara tahun 702-789H (1303-1387M) dengan kecenderungan bahawa tarikh yang sebenar adalah lebih lewat daripada tahun 702H. Profesor Tan Sri Syed Naquib al-Attas menolak pandangan Blagden dan berpendapat tarikh yang tepat adalah pada hari Jumaat 4 Rejab 702H. Tarikh ini diperolehi dengan membuat kiraan permulaan tahun hijrah 702 yang jatuh pada 21 Ogos 702M. Memandangkan bulan Rejab adalah sebanyak 181 hari pada tarikh berkenaan maka tarikh hari jumaat pertama pada bulan rejab jatuh pada 4hb Rejab tahun 702H atau bersamaan dengan 22 Februari 703M (lihat al-Attas, 1970, h.22-23). Betapa inskripsi berkenaan dipahat dengan tulisan jawi

menyebabkan timbulnya keyakinan bahawa Islam telah bertapak lebih awal daripada tarikh yang diberikan oleh penulis inskripsi berkenaan. Profesor Tan Sri Syed Naquib cuba untuk menunjukkan pengaruh Islam masuk lebih awal berpandangan pada tarikh seperti yang diberikannya. Profesor Ahmat Adam pula dalam buku yang diulas ini mempunyai sedikit perbezaan tentang tarikh tepat batu berkenaan. Dengan membawa bukti-buktii baru kiraan tarikh berdasarkan kepada tulisan lapan pada segi A batu bersurat berkenaan yang mengikutnya diabaikan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya serta bukti-buktii filologi Bahasa Kawi, Jawad an Sanskrit dan pengiraan kalender Jawa beliau membuat kesimpulan tarikh sebenar batu berkenaan adalah pada 6 Rejab 708H atau bersamaan dengan 20 Disember 1308M (h.40). Hujahnya ialah perkataan *adi pratama* di baris ke 9 segi A batu berkenaan merujuk kepada pengiraan tarikh dalam kalender Jawa dan bukan bermakna pertama yang menerima risalah Islam sebagaimana yang ditranskripsikan oleh banyak pihak (h.28-29). Profesor Ahmat Adam cuba menunjukkan bahasa-bahasa yang digunakan di batu bersurat berkenaan, terutama pengguna istilah Tahun Saratan sebagai terjemahan kepada udang kara dan perkataan *Adi pratama* “membuktikan wujudnya gejala akulturasi antara budaya lama yang bersifat Hindu-Buddha dengan budaya Islam (h.35). Di penutup bukunya, Profesor Ahmat menyatakan kesimpulan yang dibuatnya itu bukanlah untuk merendahkan kesarjanaan mana-mana pihak “tetapi hanyalah merupakan satu usaha untuk mengajak para peminat sejarah tanah air agar berfikir dan menilai secara kritis mana-mana bahan sejarah yang digunakan sebagai sumber dan menghayati falsafah sejarah yang memberatkan kebenaran” yakni berasaskan kepada bukti-buktii yang bersifat objektif (h.65). Adalah amat menarik untuk mendengar dan membaca jawapan-jawapan balas daripada kalangan yang sependapat dengan Profesor Tan Sri Naquib terhadap penemuan baru Profesor Ahmat Adam ini. Bagi pengkaji undang-undang Islam di Malaysia, penentuan tarikh ini penting bagi menunjukkan bukti bahawa undang-undang Syariah telah mula dilaksanakan ataupun paling kurangpun diisyiharkan sejak dari kurun ke-8 Hijrah/14 Masihi lagi.